

MENGATASI MASALAH BANJIR DI KL

BINA TEROWONG AIR BAWAH TANAH

Harian Metro · 4/6/22 (Sabtu) · m/s: 16

Kuala Lumpur

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan bekerjasama dengan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) untuk membina terowong penyimpanan air bawah tanah berkapasiti tinggi bagi mengatasi isu banjir kilat di ibu negara.

Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Dr Shahidan Kassim (**gambar**) berkata, langkah itu merupakan satu kaedah penyelesaian jangka panjang yang akan mengambil tempoh tiga hingga lima tahun untuk disiapkan.

Beliau berkata, bagi tujuan itu, DBKL mengadakan kajian kebolehlaksanaan mengkaji lokasi dan spesifikasi terowong simpanan air hujan bawah tanah yang akan disiapkan dalam tempoh tiga bulan.

+ “Fungsinya menampung

air banjir sebelum dilepaskan ke sungai ketika air surut. Kebanyakan bandar raya di dunia seperti Tokyo dan Itabashi di Jepun membinanya di bawah jalan raya.

“Namun apa yang kita dapat, jalan raya di ibu kota sempit. Oleh itu, ada yang mencadangkan kita membinanya 120 kaki di bawah sungai,” katanya dalam sidang media Ke Arah Kuala Lumpur Bebas Banjir Kilat di sini.

Shahidan berkata, bagi tujuan itu, DBKL melantik perunding dengan kadar segera selepas mengadakan perbincangan bersama JPS.

Pada masa sama, beliau

berkata, DBKL juga akan membina tembok penahan banjir dengan segera di semua kawasan yang dijangka berlaku limpahan air sungai.

Shahidan berkata, punca utama banjir kilat di ibu kota disebabkan limpahan air sungai menyebabkan sistem perparitan tidak boleh menyalurkan air dengan lancar

ke dalam sungai.

“Kita juga akan melaksanakan kerja pembersihan kelodak di dalam kolam takungan banjir dan sungai agar dapat memaksimumkan kapasiti penggunaannya.

“Buat masa ini, kita meletakkan beg pasir di kawa-

san terbabit dengan limpahan air sungai selain menempatkan pam air mudah alih sebagai langkah semestara mengatasi masalah ini,” katanya.

Dalam pada itu, Shahidan dan Datuk Bandar Kuala Lumpur Datuk Seri Mahadi Che Ngah turut berpeluang menghadiri Persidangan Antarabangsa ke-27 Mengenai Masa Depan Asia di Tokyo, Jepun dari 23 hingga 27 Mei lalu.

“Tujuan kami ke sana melihat bagaimana Jepun, terutama di Tokyo dan Itabashi mengatasi masalah banjir dan banjir kilat yang sering berlaku pada masa lalu.

“Hasil lawatan itu, kami mendapati setiap perancangan yang dilakukan ibu negara bertepatan dengan apa yang dilakukan di negara maju itu seperti menaik taraf sungai dan pembinaan terowong bawah tanah,” katanya.




Impresi Kehidupan

Panorama



Perkhemahan
glamor Putrajaya



DERETAN khemah glamping didirikan dalam suasana penuh kehijauan di destinasi tarikan terbaru, Glow Putrajaya, Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya. – FAIZ ALIF AHMAD ZUBIR

Berkhemah dengan pendingin hawa

MENJEJAKKAN kaki ke tapak perkhemahan yang terletak di Taman Wetland, Presint 13, Putrajaya ini menjanjikan pengalaman perkhemahan yang cukup berlainan. Berkonsepkan perkhemahan glamping atau gabungan antara perkataan *glamour* dan *camping*, ia menawarkan perkhemahan gaya hotel dalam suasana hutan. Tambah menarik, perkhemahan glamping di situ juga boleh dikatakan lain daripada lokasi-lokasi glamping lain di negara ini apabila di dalam khemahnya turut dilengkapi kemudahan pendingin hawa.



DEKORASI cantik khemah ini yang dilengkapi pendingin hawa dan buaian untuk bersantai.



Oleh
SITI AISYAH SUKAIMI


Berbicara tentang aktiviti perkhemahan, ia sering kali dianggap satu aktiviti luar bangunan yang ‘kurang selesa’, tetapi menerusi pendekatan *glamping*, perkhemahan kini boleh menjadi satu aktiviti penuh gaya dengan perclikan kemewahan.

Biarpun Putrajaya lebih dikenali sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, lokasi ini ternyata tidak hanya menawarkan pemandangan bangunan konkrit pentadbiran kerajaan, malah sering kali dikunjungi pengunjung dari sekitar Lembah Klang untuk melakukan pelbagai aktiviti.

Kiri, destinasi perkhemahan glamping, Glow Putrajaya antara tempat percutian dikunjungi individu yang menyukai perkhemahan di dalam hutan dengan gaya hotel sambil melakukan aktiviti lasak.

Dibuka sejak Disember tahun lalu, tarikan terbaru itu menerima sambutan menggalakkan.

Tidak perlu juga runsing



memikirkan makanan hendak dibawa kerana kemudahan seperti kafeteria turut disediakan.

Seorang pengunjung, Sasarena Samad, 26, dari Shah Alam, Selangor berkata, dia bercuti di situ bersama rakan-rakannya setelah mengetahui lokasi itu yang tular di media sosial.

“Pada mulanya, kami bercadang untuk bercuti ke Genting Highlands tetapi memikirkan ia jauh, kami mencari tempat lain yang lebih dekat sehinggalah kami tahu tempat ini menerusi media sosial.

“Banyak aktiviti disediakan. Pada sebelah malam, ada unggun api, ditambah pula dengan suasana keliling hutan yang tenang. Percutian

SUASANA indah dan bercahaya di persekitaran tapak perkhemahan pada waktu malam.

kami ini sekadar untuk menenangkan fikiran bersama kawan-kawan.

"Untuk aktiviti petang juga, pengunjung boleh berbasikal atau naiki kenderaan lasak pelbagai bentuk permukaan bumi (ATV) untuk masuk ke hutan, jadi ia berbaloi bagi percutian singkat, apatah lagi masih di dalam Lembah Klang," katanya kepada *Panorama*.

Pengarah Glamping Park Travel and Tours Sdn. Bhd., Mohd. Noor Arif Mohd. Azmi memberitahu, bila pun banyak tempat menyediakan lokasi *glamping*, namun kelengkapannya pendingin hawa bukanlah satu yang lazim bagi perkhemahan gaya tersebut.

Justeru apa yang ditawarkan di Putrajaya ini satu yang boleh dianggap unik.

"Kami asalnya mewujudkan perkhemahan *glamping* di Gopeng, Perak yang kini masuk usia tiga tahun. Kami kemudian menerima jemputan untuk membuka *glamping* di luar Gopeng dan tertarik untuk beroperasi di Putrajaya.

"Salah satu sebab kami tertarik ke sini kerana berdasarkan data kami di Gopeng, kira-kira 70 peratus pengunjung adalah dari Lembah Klang terutama Putrajaya, Cyberjaya, Petaling Jaya dan Kuala Lumpur. Paling ramai Putrajaya dan Cyberjaya," katanya.

Mohd. Noor Arif berkata, selain itu, promosi yang pernah dijalankan di Singapura juga mendapat, ramai yang bertanyakan sama ada pihaknya turut mengusahakan perkhemahan *glamping* di Lembah Klang.

"Untuk ke Gopeng, mereka mengambil masa perjalanan enam jam, jadi perlu rehat satu hari berikutnya agak jauh. Mereka bertanya sama ada kami mempunyai lokasi *glamping* yang berdekatan.

"Jadi, apabila ditawarkan di Putrajaya, kami bersetuju datang ke sini. Ditambah lagi Putrajaya berdekatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), justeru memudahkan pelancong luar negara bercuti di sini."

"Orang kenal Putrajaya sebagai bandar pentadbiran, jadi dengan adanya *glamping* di sini, pengunjung yang meminati alam semula jadi



PENGUNJUNG tidak melepaskan peluang merakamkan gambar di khemah.

E K S T R A GLAMPING

- Merupakan perkataan *portmanteau* yang menghubungkan antara *glamorous* dan *camping*
- Merujuk kepada gaya perkhemahan dengan pelbagai kemudahan dan kelengkapannya resort yang tidak sesuai untuk perkhemahan tradisional
- Menjadi popular pada penghujung abad ke 21 apabila para pelancong mencari hotel mewah secara berkhemah
- Perkataan *glamping* dipercayai mula digunakan di United Kingdom pada tahun 2005 dan mula dimasukkan ke dalam kamus Oxford English pada tahun 2016

dan dalam masa sama tidak mahu terlepas aktiviti membeli-belah, mereka boleh memilih untuk ke sini," katanya.

Menurut Mohd. Noor Arif sebanyak 20 khemah disediakan meliputi dua jenis iaitu 'couple tent' sesuai untuk pasangan dan 'quad tent' untuk keluarga dengan maksimum empat orang.

Jelas Mohd. Noor Arif, uniknya, 10 daripada 20 khemah tersebut diberikan nama pokok-pokok di Taman Wetland yang mempunyai fungsi tersendiri menapis air sebelum dialirkan ke Tasik Putrajaya antaranya bakong, purun, gedabong, naleh dan sadang.

"Pihak Perbadanan Putrajaya (PPJ) sendiri yang memberi nama khemah-khemah di sini yang mana pokok-pokok ini berfungsi menapis air di Taman Wetland secara semula jadi sebelum dilepaskan ke tasik."

"Fungsi pokok ini akan memakan bakteria di dalam air dan ia menapisnya terlebih dahulu. Tujuan diberikan nama pokok pada khemah ini juga sebagai pengetahuan am kepada pengunjung."

"Terdapat hentian berbasikal di Taman Wetland ini yang turut menyediakan maklumat penerangan berkenaan pokok-pokok ini," ujarnya.



BEBERAPA kanak-kanak kelihatan bermain permainan-permainan yang disediakan.

Rasa macam duduk di hotel

KUNJUNGAN ke Glow Putrajaya menyajikan pengalaman perkhemahan bagi menginap di hotel yang begitu mengasyikkan.

Bukan sahaja boleh merasai pengalaman berkhemah tetapi juga boleh melakukan pelbagai aktiviti lasak dan menambah pengetahuan mengenai alam semula jadi di Taman Wetland.

Menurut laman ppj.gov.my, Taman Wetland yang terletak di Presint 13 dibangunkan selaras dengan matlamat untuk mengekalkan kehijauan serta mewujudkan *green lung* di dalam pembangunan Putrajaya.

Berkeluasan 335.7 ekar (136 hektar), taman ini dikelilingi tanah lembab yang merupakan *wetland* binaan air tawar terbesar di kawasan tropika dan menjadi habitat kepada pelbagai spesies flora dan fauna.

Sejumlah lebih 59 spesies burung penghijrah dan 200 spesies burung tempatan berkembang biak di Taman Wetland sepanjang tahun.

Justeru, suasana di Glow Putrajaya penuh dengan kehijauan dengan simfoni alam semula jadi.

Seorang pengunjung, Umi Hamizah Hamid, 24, berkata, kemudahan dan fasiliti yang disediakan agak lengkap dan harga bagi penginapan juga berpatutan.

"Sangat selesa dan berbaloi dengan harga bayaran bagi khemah ini dan terasa macam di dalam hotel kerana khemah ini turut disediakan pendingin hawa."

"Ini pertama kali saya merasai percutian *glamping* dan lokasi di Putrajaya ini boleh dimasukkan di dalam senarai tempat percutian untuk diulangi lagi," katanya.

Seorang lagi pengunjung, Norizatie Mustafa, 23, dari Nilai, Negeri Sembilan pula menyifatkan, aktiviti perkhemahan *glamping* itu mengimbau kembali zaman sewaktu di bangku sekolah.

"Cuma ini moden sikit dengan khemah seperti menginap di bilik hotel serta dekorasi di dalamnya juga menarik. Ia juga suatu yang pengalaman baharu bagi saya," katanya.



UMI HAMIZAH



SUSUN atur di dalam salah sebuah khemah yang boleh menempatkan empat orang ini kelihatan selesa dan agak luas persis di dalam hotel.

KWP sokong tindakan tegas dianbil JPJ

Seremban: Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) menyokong langkah tegas Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melarang semua pengendali syari'at atau kenderaan berat membebalkan kenderaan berat memasuki jalan raya utama di ibu negara pada waktu puncak setiap hari.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Jalaluddin Alias, berkata pihaknya tidak akan berkompromi atau bertolak ansur dalam isu pelanggaran kepada kesesakan kerana kementerian sudah menerima banyak aduan dan rungutan orang ramai mengenai perkara itu.

Katanya, tindakan pengutkuasaan tegas perlu bagi mengelak masalah kesesakan jalan raya yang melampaui di Kuala Lumpur berterusan apabila adanya kenderaan berat memasuki laluhan ketika waktunya yang tidak dibenarkan.

"Terdapat kalangan mereka yang tidak bertanggungjawab memasuki kawasan ibu negara menggunakan kenderaan berat pada waktu puncak antara jam

menyempurnakan majlis persamuan Program Pengimaranan Masjid Kariah Pantai Seremban bersama Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Aktivis PPIM, Datuk Nadizm Johari dan Pengerusi Masjid Kariah Pantai, Shahhrani Awaluddin.

Jalaluddin yang juga Ahli Parlimen Jelebu berkata, tindakan penguatkuasaan juga akan diambil terhadap aktiviti penyelenggaraan jalan yang tidak sejawatnya pada waktu punca k berkenaan.

"Begitu juga kepada masyarakat yang menyumbang kepada kesesakan umpannya meletakkan kenderaan di tempat tidak dibenarkan, termasuk peniaga yang menjalankan perniagaan di tempat yang menyumbang kepada kesesakan.

"Tindakan pengutkuasaan perlu agresif dan peringatan juga sudah kita berikan dan sekarang tindakan kepada mereka yang melanggar peraturan," katanya yang turut menghargai agensi terbabit membantu me-

nangkan masalah kesesakan di ibu negara itu termasuk Polis Diraja Malaysia (PDRM). Media sebelum ini melaporkan mengenai tindakan JPJ melarang semua pengendali syari'at atau pemandu kenderaan barang membabitkan muatan melebih 7,500 kilogram memasuki jalan raya utama di Kuala Lumpur dari jam 6.30 hingga 9.30 pagi dan 4.30 petang hingga 7.30 malam setiap hari.

JPJ dalam kenyataan memahumkan, langkah itu hasil pemantauan apabila mendapati terdapat pergerakan kenderaan berat memasuki laluan waktunya terhad ke pusat bandar raya pada waktu kemuncak iaitu sebelah pagi dan petang, sekali gus menyumbang kepada kesesakan lalu lintas serta menjelaskan kelancaran aliran trafik di Lembah Klang.

Mereka yang melakukan kesalahan itu boleh dikenakan tindakan kompaun tidak melebihi RM300 atau boleh didakwa di mahkamah iaitu denda tidak kurang RM300 dan tidak melebihi RM2,000.



Jalaluddin (kiri) menyaksikan penyerahan plak daripada Nadizm kepada Shahhrani (dua dari kiri) di Seremban, semalam.
(Foto BERNAMA)

"KWP sudah minta pihak pengutkuasaan kuasa, terutama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melipatgandakan tindakan pengutkuasaan supaya perkara ini dapat kita cegah sepenuhnya," katanya selepas rat di laluan di ibu negara.

"Kita kena cegah perkara ini 100 peratus kerana antara penyumbang kesesakan yang melampau di ibu negara seharang ialah kemasukan kenderaan be-

WORLD ENVIRONMENT DAY

CLIMATE CHANGE LAW IN PIPELINE

Legislation will be discussed by cabinet on Wednesday, says prime minister

NURADZIMMAH DAIM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government plans to enact climate change legislation soon to achieve the target of becoming a carbon-neutral nation by 2050.

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said Malaysia would also work with countries that had similar visions.

"This is in line with the United Nations Climate Change Conference in Paris in 2015."

"In my keynote address at the recent Nikkei Conference in Japan, I gave my commitment that the government will enact climate change-related legisla-

tion towards achieving a carbon-neutral status by 2050," he said in his speech at the World Environment Day celebration, Taman Tugu, here, yesterday. The event was held by Khazanah Nasional.

Ismail Sabri said the proposed climate change law would be discussed by the cabinet on Wednesday, adding that the Environment and Water Ministry was preparing the draft bill.

Ismail Sabri, who is also Khazanah Nasional chairman, said efforts are underway to achieve the renewable energy share target of 31 per cent by 2025 and 40 per cent by 2035.

He said the government is also committed to preserving the natural forest cover of more than 50 per cent of the country's



Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob trekking down a path at Taman Tugu in Kuala Lumpur, yesterday. With him is Khazanah Nasional executive director Datuk Mohamed Nasri Sallehuddin (third from left). PIC BY ASYRAF HAMZAH

land mass.

The government, he added, would also implement nature-based solutions to reduce the long-term impact on the environment, including planting 100 million trees.

He also commended Khazanah Nasional for preserving the 26.7ha green lung near Tugu Negara, which offers a respite to city dwellers and visitors.

"Taman Tugu symbolises the commitment of all parties to preserve the country's natural heritage," he said.

Khazanah Nasional managing director and Amanah Warisan Negara (Awan) Board of Trustees chairman, Datuk Amirul Feisal Wan Zahir, said Taman Tugu was one of many initiatives undertaken by Khazanah over the years and forms part of a new long-term strategy under the ambit of "Advancing Malaysia".

He said Khazanah would continue to undertake other social value initiatives to deliver impactful outcomes for the nation.

"I am pleased to note that through Taman Tugu, we have

not only managed to preserve and conserve the country's flora and fauna, but have also provided a recreational space for the public to further foster wholeness, well-being and greater inclusivity among Malaysians."

"This is in line with Khazanah's societal goal of building capacities and vibrant communities," he said in a statement.

To commemorate the event, Ismail Sabri witnessed the handing over of the Taman Tugu land agreement from Kuala Lumpur City Hall to Awan.

'BILLIONS IN TAX REVENUE LOST'

Ismail Sabri says study must be done before GST can be considered

KUALA LUMPUR: The government has yet to decide if it will reintroduce the Goods and Services Tax (GST).

Prime Minister Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob said the matter would be discussed further in the cabinet.

"A study is needed before we

can consider it, whether or not it is the right decision to reimplement the GST."

"We have to also take into account that the country lost billions of ringgit in tax revenue after it was abolished," he told reporters after attending the World Environment Day celebration at

Taman Tugu yesterday.

While many businesses welcomed the revival of the GST, consumers and non-governmental organisations have urged the government to review the proposal, with some suggesting that the tax be lowered from the previous six per cent.

Ismail Sabri, in a recent interview with Nikkei, said the government was keen to reintroduce the GST, which was implemented in 2015 but scrapped three years later.

He said the government would target a GST rate that would not burden the people, but was not too low that it "defeats the purpose of expanding tax revenue".

Meanwhile, the prime minister was also asked about the date of the 15th General Election (GE15).

He said he couldn't preempt the Yang di-Pertuan Agong, as the king has the prerogative to dissolve Parliament to pave the

way for the polls.

The prime minister, he said, could only advise the king.

"No prime minister has ever openly announced the date of elections."

"Even (former prime minister Tun) Dr Mahathir (Mohamad) had, in the past, said 'belum dapat ilham' (yet to get any inspiration) when he was asked about it."

Ismail Sabri said matters pertaining to GE15 would be discussed by Umno's top leadership before being brought to the party's supreme council. Later, it would be brought to the Barisan Nasional supreme council before being discussed in the cabinet.

The cabinet would then give him the mandate to seek an audience with the king, who has the final say on the dissolution of Parliament.

"I cannot give the exact date (of the election) as that would be disrespectful to the Yang di-Pertuan

Agong and against the Federal Constitution. I respect the king's decision and must not preempt him."

He described DAP's demands in seeking a timeline for GE15 as being disrespectful to the roles and powers of the king.

DAP secretary-general Anthony Loke had, on Saturday, asked the prime minister to be "more assertive and consistent" in his stance, instead of giving "flip flop" statements.

Meanwhile, Ismail Sabri said he had yet to meet Plantation, Industry and Commodities Minister Datuk Zuraida Kamaruddin to discuss her role in the cabinet following her departure from Parti Pribumi Bersatu Malaysia to Parti Bangsa Malaysia.

He said Zuraida was still on leave following her return from an official visit to Turkey and Greece.

He said they had yet to set a date to discuss her resignation.

	PRAYER TIMES					
	SUBUH (am)	SYURUK	ZUHUR	ASAR (pm)	MAGHRIB	ISYAK
Malaka	5:49	7:03	1:12	4:37	7:19	8:34
Penang	5:50	7:03	1:20	4:45	7:31	8:47
K. Lumpur	5:50	7:02	1:15	4:40	7:24	8:39
Johor Baru	5:44	6:58	1:06	4:31	7:12	8:26
Kuantan	5:44	6:58	1:09	4:34	7:17	8:32
Ipoh	5:50	7:00	1:17	4:43	7:28	8:43

DBKL siti dua skuter elektrik tanpa kebenaran

PETALING JAYA: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) mengambil langkah membuat sitiua skuter elektrik terhadap mana-mana kenderaan mikromobiliti yang digunakan di jalan awam terutama di kawasan Dataran Merdeka.

Menurut DBKL, tindakan itu adalah bertepatan dengan arahan kerajaan iaitu tiada kebenaran kerajaan.

benaran diberikan kepada aktiviti skuter elektrik di atas jalan awam, kecuali di kawasan yang sudah diwartakan.

“Pada 4 Jun, pulak 8 hingga 10 malam, anggota Pengurusan DBKL yang membuat rodaan di lokasi telah menemukan aktiviti tanpa kebenaran ini dan bertindak melaksanakan sitiua terhadap dua buah skuter elek-

trik yang diletakkan di atas Jalan Raja bagi tujuan penyewaan untuk aktiviti ini.

“Tiada dilakukan oleh DBKL di Dataran Merdeka bagi tujuan aktiviti permainan skuter. Anggota pengurusan DBKL juga membuat laporan polis terhadap pengendali aktiviti skuter ini kerana telah menghalang penjawat awam melaksanakan tugas.

“Skuter yang disita dibawa ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Cheras,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Penggunaan skuter elektrik mula diperkenalkan pada Mei tahun lalu dan kini menjadi semakin popular dalam kalangan masyarakat kerana ia memudahkan pergerakan khususnya mereka yang berjalan kaki dan menaiki pengangkutan awam.

Bagaimanapun bermula 1 Januari 2021, penggunaan skuter elektrik di atas jalan raya atau kawasan selain yang digazetkan di ibu negara adalah dilarang dan tindakan undang-undang dibawah Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987 boleh dikenakan terhadap individu yang ingkar.

Bina ruang takungan air bawah tanah

Perbincangan terperinci pakar, pihak perunding, diberi tempoh tiga bulan sedia pelan

tanah yang sering dilapor mencapai kapasiti maksimum ketika hujan lebat berterusan. Sehubungan itu, katanya, perbincangan terperinci berhubung idea berkenaan membatikan beberapa pakar dalaman DBKL sedang dibuat, selain pihak perunding akan dilantik sejurus proses berkenaan seslesai.

Beliau berkata, pihak perunding projek berkemungkinan diberi tempoh tidak bulan untuk menyediakan pelan pembangunan ruang takungan air bawah tanah itu dengan mengambil kira jumlah air banjir dan pemilihan lokaliti bersesuaian.

“Pembinaan ruang takungan air bawah tanah ini wajar sebagai tambahan kepada sistem tebatan banjir setia ada. Namun, ia memerlukan kajian terperinci bergantung kadar taburan hujan dan beberapa aspek lain.

“Kita juga perlu meneliti saiz, panjang dan keluasan sesuai jika ruang takungan air bawah tanah ini mahu dibangunkan bagi menampung jangkaan taburan hujan semasa,” katanya ketika diemui selepas sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia, di sini semalam.

Beliau mengulas laporan muka depan BH mengenai jangkaan khususnya Lembah Klang yang sedang melalui proses urbanisasi pesat berisiko dilanda cuaca lebih ekstrem termasuk cuaca panas melebihi 37 derjah Celsius, selain kekerapan berlaku ribut petir lebuh kuat dan puting beliung.



Mahadi Che Ngah


Oleh Muhammad Yusri Muzamin, Ahmad Suhael Adnan dan Tuty Maryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bercadang membina ruang takungan air bawah tanah sebagai persediaan jangka panjang untuk berdepan risiko cuaca ekstrem di ibu negara menjelang 10 tahun akan datang.

Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Seri Mahadi Che Ngah, berkata cadangan itu alternatif kepada kolam takungan air sedia ada yang dibina di permukaan

book, DBKL memaklumkan kakitangan pelbagai jabatan itu ditempatkan di khemah khas bermula jam 8 pagi hingga 10 malam setiap hari, selain dibantu sukarelawan dan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Turut dikongsi mengenai pam air yang selesai dipasang di 10 lokasi panas banjir seperti diumumkan Datuk Bandar Kuala Lumpur sebelum ini termasuk di Bulatan Dato Onn, Lebuh Ampang, Jalan Rahmat, Kampung Periuk dan Kampung Pasir.



Benteng beg pasir yang diletakkan oleh DBKL bagi menghalang limpahan air Sungai Gombak ketika hujan lebat di Jalan Rahmat, Kuala Lumpur.
(Foto Aizuddin Saad/BH)

M'sia committed to 2050 carbon neutral goal

KUALA LUMPUR: Malaysia is committed to its target of becoming a carbon neutral nation as early as 2050, says Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

In his speech at the World Environment Day (WED) celebration in Taman Tugu here, the Prime Minister said Malaysia would work with countries with similar visions through the Asia Zero Emission Community.

"In my keynote address at the recent Nikkei Conference in Japan, I gave my commitment that the government will enact climate change-related legislation towards achieving carbon neutrality by 2050," he said.

He added that Malaysia was also committed to preserving its natural forests, which cover more than 50% of its total land mass.

The government, he said, would also implement natural-based solutions to reduce long-term impacts on the environment, including planting 100 million trees by 2025.

Ismail Sabri, who is also Khazanah Nasional Bhd chairman, commended its role in preserving the 26.7ha green lung located near Tugu Negara which offers respite to city dwellers and visitors alike.

"Taman Tugu symbolises the commitment of all parties to preserve the country's natural heritage," he said.

Launched in 2018, Taman Tugu, a non-profit corporate social responsibility initiative led by Khazanah, has attracted over 500,000 visitors



Going green: Ismail Sabri with Mah Meri Orang Asli, who promoted their culture through a performance during the WED celebration in Taman Tugu, Kuala Lumpur. — MUHAMAD SHAHRI ROSLI/The Star

principal vehicle for encouraging awareness and action for the protection of the environment. Its theme this year is Only One Earth.

Taman Tugu,

The WED celebration yesterday was expected to attract about 3,000 visitors and will continue throughout June with various activities to raise awareness on the conservation, preservation and sustainability of public green spaces.

WED is celebrated annually on

June 5 and is the United Nations'

Watch the video
TheStarTV.com



Langkah jangka pendek berjaya kurangkan banjir kilat di ibu kota

Hanya 6 daripada 25 lokasi 'titik panas' dikesan masih dinaiki air

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pendekatan jangka pendek bagi mengurangkan masalah banjir kilat di ibu kota, dilihat memberi kesan membezrangsangkan, apabila kini hanya enam lokasi 'titik panas' dikesan masih dinaiki air dalam kejadian baru-baru ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata pendekatan jangka pendek yang dilakukan sejak bulan lalu adalah mencegah air perngawasan terhadap kawasan terabit dan meletakkan beg pasir di kawasan terabit dengan limpaung sungai.

Katanya, ketika ini hanya pemasangan beg pasir masih ber-

langsung di enam lokasi, iaitu di Jalan Segambut, Pintasan Segambut, Jalan Travers, Lorong Maaf, Kampung Pasir dan Jalan Batu Bata.

"Sebanyak empat lokasi sudah selesai dipasang beg pasir iaitu di Jalan Rahmat, Jalan Sultan Iskandar (berhampiran Parlimen), Jalan Lebuh Ampang dan Kampong Kasipillay.

"Walaupun pemasangan ini belum selesai sepenuhnya lagi, namun dengan tindakan lain yang sudah diambil, kita berjaya mengurangkan kejadian banjir kilat daripada membabitkan 25 *hotspot* sebelum ini kepada hanya enam *hotspot*," katanya.

Selain itu Shahidan berkata, tempoh air banjir kering juga menurun kepada kira-kira 15 minit sehingga 30 minit berbanding sebelum ini 30 minit sehingga satu jam.

Ditanya sama ada kawasan lain perlu dipasang beg pasir, beliau berkata, pemasangan beg pasir bergantung kepada lokasi kejadian banjir.

Katanya, kawasan yang dipasang beg pasir hanya di kawasan yang berdepan kejadian air



Kakitangan Jabatan Perancangan Bandaraya DBKL bersiap sedia bagi sebarang kemungkinan berlaku banjir kilat di jalan Maarof, Kuala Lumpur.

(Foto Asyraf Hamzah/BH)

sungai melimpah seperti di Kampung Rahmat.

"Malah di Kampung Rahmat turut dipasang pam air kerana longkang di kawasan itu tidak mampu lagi menampung jumlah air jika hujan lebat.

"Adanya beg pasir, ia akan menghalang daripada air masuk ke sungai manakala pam air pula

membantu mengeluarkan air dengan cepat," katanya.

Terdahulu, Shahidan memaklumkan tiga pendekatan menangani isu banjir iaitu bagi jangka pendek, sederhana dan panjang.

Beliau dilaporkan berkata, pendekatan jangka pendek adalah pengelapan air, pengawasan di kawasan terabit dan mele-

takkan beg pasir di kawasan terabit dengan limpahan air sungai yang sudah dilaksanakan serta-merta.

Katanya, pembinaan kolam setempat untuk kawasan penduduk pulu adalah pendekatan jangka masa sederhana, manakala terowong simpanan air bawah tanah langkah jangka panjang.

Kumpul data, sedia perancangan hadapi cuaca ekstrem

Kuala Lumpur: Pengumpulan data mengenai bencana dari pihak berkuasa serta perancangan jangka pendek dan panjang antara syor yang dikemukakan seorang pakar kepada kerajaan, sebagai strategi persediaan berdepan impak susulan cuaca ekstrem yang negara bakal hadapi dalam tempoh 10 tahun lagi.

Pakar hidrologi dan permodelan banjir dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Datuk Mohd Ekhwan Toriman, berkata kedu-duanya begitu mustahak untuk dilaksanakan, sekali gus dapat mengurangkan risiko bencana akibat cuaca melampau.

Sehubungan itu, beliau berkata, bukan sahaja kerajaan, malah masyarakat juga harus memainkan peranan untuk membuat persediaan fizikal dan mental bagi berhadapan dengan risiko cuaca sebegini yang boleh bertukar menjadi bencana.

"Kerajaan perlu sentiasa bersedia dengan mendapatkan banyak maklumat daripada pihak berwajib, terutama persediaan sebelum, semasa dan selepas berlaku cuaca membabitkan kemarau panjang serta banjir."

"Justeru, kenajelasan antara mitigasi dan adaptasi. Mitigasi banjir lebih kepada mengurangkan risiko bencana cuaca ekstrem, perancangan jangka masa pendek dan masa panjang.

"Misalnya dengan pembinaan *smart tunnel*, takungan banjir dan tebakan banjir adalah antara mitigasi yang dijalankan oleh kerajaan," katanya kepada BH.

Beliau mengulas laporan BH kelmarin mengenai keadaan Malaysia khususnya Lembah Klang yang sedang melalui proses urbanisasi yang pesat berisiko dilanda cuaca lebih eks-

trem, termasuk cuaca panas melebih 37 derjah Celsius, selain kekerapan berlaku ribut petir lebih kuat serta puting beliung.

Kajian Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia) menunjukkan negara ini akan dilanda cuaca ekstrem dalam tempoh 10 hingga 20 tahun akan datang.

Ramalan cuaca ekstrem itu dibuat berikutkan kejadian hujan batu yang semakin kerap, ke-

jadian belalai air dan darat, selain hujan sangat lebih, khususnya di kawasan bandar sehingga menyebabkan banjir.

Mengulas mengenai sistem amaran cuaca ekstrem negara, Mohd Ekhwan berkata, meskipun lengkap ia masih perlu diselenggarakan, dilakukan pemantauan dan analisis data.

Naib Canselor UKM itu berkata, sistem data bersepada perlu diperkuuh membabitkan Ja-

batan Meteorologi dan universiti agar analisis serta simulasi data boleh dijalankan dengan ketepatan lebih baik.

"Kerjasama rentas masyarakat, kerajaan dan swasta perlu sentiasa memastikan keselamatan serta keselerosan masyarakat terjamin," katanya.

Mengenai peranan masyarakat pulu, Mohd Ekhwan berpendapat pentingnya untuk belajar beradaptasi dengan cuaca ekstrem, misalnya dengan tidak melakukan banyak aktiviti luar sewaktu kemarau.

Jelasnya, adaptasi lebih kepada bagaimana masyarakat boleh berasimilasi dengan cuaca ekstrem.

"Ini termasuk pemikiran dan tingkah laku yang boleh mengurangkan kerentenan masyarakat terhadap cuaca ekstrem.

"Aktiviti yang membabitkan kesan besar terhadap cuaca ekstrem misalnya pembakaran terbuka oleh syarikat perladangan perlu dihentikan semasa musim kemarau," katanya.

Kerajaan perlu sentiasa bersedia dengan mendapatkan banyak maklumat daripada pihak berwajib, terutama persediaan sebelum, semasa dan selepas berlaku cuaca membabitkan kemarau panjang serta banjir.

Mohd Ekhwan Toriman,
Pakar hidrologi dan permodelan banjir dari UKM



Kuala Lumpur: Aktiviti skuter elektrik di Dataran Merdeka tidak dibenarkan kerana ia adalah sebahagian jalan awam yang tidak diwartakan untuk aktiviti berkenaan.

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam kenyataan memaklumkan tindakan itu selari dengan arahan kerajaan baru-baru ini bahawa tiada kebenaran diberikan terhadap aktiviti skuter elektrik di jalan awam kecuali di kawasan yang sudah diwartakan.

DBKL turut memaklumkan pihaknya kelmarin menyita dua skuter elektrik yang disewakan kepada orang ramai untuk melakukan aktiviti yang tidak dibenarkan.

"Tiada kebenaran dieluarkan DBKL di Dataran Merdeka bagi tujuan aktiviti skuter ini. Anggota penguasa juga membuat laporan polis terhadap pengendali aktiviti skuter ini kerana menghalang tugas penjawat awam dan skuter elektrik yang disita dibawa ke Stor Sitaan DBKL di Jalan Lombong, Cheras," menurut kenyataan itu.

26 April lalu, Menteri Pe-

DBKL tak benar aktiviti skuter elektrik di Dataran Merdeka



TINDAKAN DBKL tidak benarkan aktiviti skuter elektrik di Dataran Merdeka selari dengan arahan kerajaan tiada keizinan diberikan terhadap aktiviti skuter elektrik di jalan awam kecuali di kawasan yang sudah diwartakan.

ngangkutan Datuk Seri Dr Wee Ka Siong dilaporkan berkata, kenderaan mikromobiliti jenis Moped, *Personal Mobility Devices (PMD)* dan *Personal Mobility Aids (PMA)* dilarang penggunaannya di atas jalan berkuat

kuasa serta-merta.

Moped kenderaan yang dipasang dengan dua atau tiga roda dan dipacu oleh sumber elektrik dengan kelajuan tidak melebihi 25 km/j seperti skuter elektrik dan kenderaan bagi kegunaan individu yang mempunyai masalah pergerakan.

PMD dan PMA pula adalah

kenderaan yang dipacu oleh kuasa manusia atau elektrik dengan kelajuan tidak melebihi 25 km/j seperti skuter elektrik dan kenderaan bagi kegunaan individu yang mempunyai masalah pergerakan.